

Tidak perlu dibahas di kedai kopi

Perbincangan terbuka pada atasi keraguan

SHAH ALAM, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesa rakyat supaya menyelesaikan sebarang keraguan tentang dasar-dasar kerajaan menerusi perbincangan-perbincangan terbuka.

Perdana Menteri berkata, cara itu adalah penting bagi menghadapi "muah-muah politik" yang menaburkan berbagai dakwah dengan tujuan hendak menggagalkan Dasar Ekonomi Baru dan memecahbelahkan orang Melayu.

"Selarang ini ada muah politik yang menim-

bukan keraguan terhadap DEB yang kononnya memberi keuntungan kepada beberapa kerat orang Melayu sahaja.

"Mereka mendakwa orang-orang Melayu yang mendapat nikmat DEB adalah kawan-kawan pemimpin Umno sahaja, khususnya rakan-rakan saya," katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Keempat Umno Negeri Selangor, di sini.

Beliau berkata, golongan itu juga sering kali melancarkan ugkapan sosialisme "orang kaya semakin kaya dan orang miskin semakin miskin" dalam memperkuatkan tentangan mereka

ka terhadap dasar itu. "Mereka menimbulkan dakwah-dakwah itu bagi mengulirakan rakyat supaya mereka membantah kerajaan dan perpaduan tidak akan wujud di negara ini.

"Saya bimbang jika orang Melayu tertarik dengan hujah-hujah palsu itu, ia akan menimbulkan kemarahan, iri hati dan syak wasangka yang kelak akan menjejaskan pelaksanaan dasar itu," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir kemudian menyuruh rakyat supaya menyelesaikan sebarang isu kontroversial dan keraguan terhadap DEB dengan mengadakan per-

bincangan-perbincangan terbuka menerusi forum dan konvensyen.

"Berbincang di kedai-kedai kopi dengan orang-orang yang mempunyai pendapat yang sama tidak akan menyelesaikan masalah dan sebaliknya akan hanya menimbulkan perasaan tidak puas hati dan kemarahan hingga kita tidak dapat memandang sesuatu dengan adil dan saksama.

"Keraguan tentang dasar-dasar seperti DEB tidak akan lenyap," ujarnya.

Tetapi, Perdana Menteri berkata, melalui perbincangan terbuka dan forum, semua pendapat yang berbeza akan dapat didengar

dengan lebih jelas dan menuliskan keputusan yang dibuat adil dan membawa manfaat.

"Kita perlu mengajai sesuatu isu dengan teliti tanpa emosi dan tanpa membalikkan kepentingan diri sendiri," tegasnya.

Beliau menegaskan bahawa jika rakyat mempunyai pendapat yang berlainan dan tidak mahu mengadakan perbincangan yang teratas perasaan mereka akan digunakan oleh musuh untuk memecahbelahkan mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengesa orang-orang Melayu supaya berwaspada terhadap usaha-usaha komunis yang menggunakan Islam untuk memecahbelahkan mereka. "Komunis sedang cuba mendatangkan sokongan orang Melayu dengan mendakwa kononnya perjuangan mereka tidak bercanggah dengan Islam dan ada orang Melayu yang telah terpengaruh dengan taktik itu," ujarnya.

Nikmat

Datuk Seri Dr Mahathir seterusnya menjelaskan bahawa Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan bertujuan memberi labahan dan kendilkan kepada semua pihak tanpa mengira kaya atau miskin.

Beliau menegaskan, dasar itu adalah untuk memberi perseimbangan antara orang Melayu dan kaum-kaum lain.

Menurutnya, tidak ada sesiapa yang boleh menyatakannya ia tidak dapat menikmati sedikit-sebanyak faedah-faedah DEB, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

"Kalau tidak diri kita, anak kita atau saudara kita tentu telah menikmati hasilnya, kemudahan pelajaran, perniagaan serta kemudahan asas seperti air dan elektrik," ujarnya.

Beliau berkata, kerajaan kadangkala membantu kaum Bumiputera yang kaya di dalam sesuatu usaha kerana mereka yang miskin tidak mempunyai kepakaran mengendalikannya.

"Sebagai contoh, kita tidak dapat memberi kontrak membina kilang yang besar kepada peminat teksi kerana kita tahu ia tidak mampu dan sudah tentu akan timbul amalan 'Ali-Baba' bila ia memberikan kontrak itu kepada orang lain," ujarnya.



DATUK SERI DR MAHATHIR MENDENGAR PENARANGAN DARI PANDUA PENGARAH ITM, PROF NIK KASHID ABDUL MAJID SEWAKTU MELAWAT PAMERAN ALIAT TULIS SEMENA PERASMIAN KONVENSYEN UMNO SELANGOR DI DAWAN BESAR ITM, SHAH ALAM SEMALAM — GAMBAR BERITA HARIAN.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia